

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXII)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

16. Isu permohonan kewarganegaraan mengalami kesulitan yang rumit sejak dulu. Huraikan.
- (a) Pencapaian Kerajaan Negeri dalam membantu dalam kelulusan permohonan kewarganegaraan di Pulau Pinang selepas PRU ke-14.
  - (b) Jumlah kes permohonan kewarganegaraan yang telah diluluskan selepas PRU ke-14 hingga kini.

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. (a) Kerajaan Negeri telah mula melaksanakan Program Kewarganegaraan sejak tahun 2013 dan sehingga kini telah menerima sejumlah 1,997 permohonan kewarganegaraan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 705 atau 35.30% permohonan kewarganegaraan telah diterima selepas Pilihanraya Umum Ke-14. Perincian permohonan kewarganegaraan selepas Pilihanraya Umum Ke-14 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Sejumlah 45 atau 6.38% permohonan kewarganegaraan telah mendapat kelulusan selepas Pilihanraya Umum Ke-14.

**LAMPIRAN A**

**PERMOHONAN DI BAWAH PROGRAM KEWARGANEGARAAN DI NEGERI PULAU PINANG  
SELEPAS PILIHANRAYA UMUM KE-14**

<b>JENIS PERMOHONAN</b>	<b>BILANGAN PERMOHONAN DALAM TINDAKAN PEGAWAI</b>	<b>BILANGAN PERMOHONAN DALAM TINDAKAN AGENSI KERAJAAN</b>	<b>BILANGAN PERMOHONAN BERJAYA</b>	<b>JUMLAH</b>
Permohonan taraf kewarganegaraan bagi penduduk Malaysia dengan status Pemastautin tetap (MyPR) Sebelum dan Selepas Merdeka	86	108	12	206
Permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah PERKARA 15 (A) ( <i>Stateless</i> )	76	128	2	206
Daftar lewat sijil kelahiran	26	46	3	75
Daftar lewat kad pengenalan	14	9	4	27
Kes Imigresen (masalah permit masuk, pas lawatan sosial dan pas lawatan pelajaran.)	64	50	16	130
Lain-Lain (Masalah kehilangan kad pengenalan pemastautin tetap, tiada sijil kelahiran dan lain-lain)	21	32	8	61
<b>JUMLAH</b>	<b>287</b>	<b>373</b>	<b>45</b>	<b>705</b>